

30 JUN 2003

SPN-JAMALUDIN/I

PROJEK KOS RENDAH DAN SEDERHANA BOLEH WUJUDKAN AKTIVITI EKONOMI

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Rumah kos rendah dan sederhana yang akan dibina menerusi Suruhanjaya Perumahan Negara Bhd (SPN), berpotensi untuk mewujudkan kegiatan ekonomi bernilai RM48 bilion bagi tempoh lima tahun akan datang, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

SPN merancang membina 37,000 unit bermula tahun ini, katanya kepada pemberita selepas menemui pegawai-pegawai SPN, di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengumumkan pakej ekonomi bulan lalu berkata terdapat rancangan untuk membina 150,000 rumah kos rendah dan sederhana bernilai RM6 bilion bagi tempoh lima tahun akan datang.

Jamaludin berkata projek rumah kos rendah dan sederhana itu juga akan menyediakan kemudahan rekreasi dan kemudahan asas lain.

"Setiap satu ringgit yang dilaburkan dalam hartanah akan mewujudkan kegiatan ekonomi bernilai RM8," katanya.

Jamaludin berkata sektor pembinaan sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi negara.

"Itulah sebabnya mengapa Kabinet mahu Kementerian Kewangan itu sendiri melihat pelaksanaan strategi yang dilancarkan baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata projek kos rendah dan sederhana akan dibiayai oleh dana pencen yang akan menyaksikan pendapatan stabil yang dijana (bagi dana itu), kerana projek-projek itu dijamin oleh kerajaan.

"Ini perkara biasa (menggunakan dana pencen). Di negara Eropah dan AS dana pencen digunakan untuk memajukan sektor hartanah," katanya.

Jamaludin berkata kebanyakan projek-projek itu dijangka sekitar Lembah Klang tetapi Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor akan juga akan dipertimbangkan sekiranya ada permintaan.

Beliau juga berkata pembeli-pembeli rumah bernilai RM40,000 atau kurang boleh menjualnya dan beralih kepada rumah yang lebih selesa.

Bagaimanapun, harga sepatutnya tidak melebihi harga pasaran dan penjualan perlu mendapat kelulusan SPN.

Selepas menjual rumah, penjual tidak dibenarkan memohon rumah kos rendah atau sederhana, katanya.

Mengulas mengenai penipuan permohonan pinjaman skim kredit mikro bagi perniagaan kecil, Jamaludin berkata: "Malahan kami mengarahkan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) memeriksa dengan teliti permohonan bagi memastikan ianya yang asli."

Sehingga 26 Jun, BPM telah menerima permohonan bernilai RM164.57 juta bagi skim kredit mikro dan meluluskan pinjaman bernilai RM65.48 juta manakala BSN menerima permohonan bernilai RM77.84 juta dan pinjaman dilulus bernilai RM0.52 juta. -- BERNAMA

SM FR ZK